

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 3/1981**

=====

**DASAR PENGELUARAN HAKMILIK KEPADA  
PESERTA-PESERTA RANCANGAN TANAH  
REVOLUSI HIJAU**

-----

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 17hb September 1981 telah membuat keputusan berhubung dengan dasar Pengeluaran Hakmilik kepada Peserta-peserta Rancangan Tanah Revolusi Hijau Selangor.

2. Dasar Pengeluaran Hakmilik tersebut adalah seperti berikut:-

- i) Pemungut Hasil Tanah hendaklah mencadangkan peserta-peserta Rancangan Tanah Revolusi Hijau Selangor, yang telah diberi Lesen Menduduki Sementara dan telah mengusahakan tanah dengan jayanya kepada Majlis Mensyuarat Kerajaan Negeri Selangor supaya Suratan Hakmilik dapat dikeluarkan kepada peserta-peserta. Suratan Hakmilik-Suratan Hakmilik yang dikeluarkan kepada peserta-peserta hendaklah dikenakan syarat-syarat dan bayaran seperti berikut:-

Hakmilik : Hakmilik Pejabat Tanah

Jenis Hakmilik : Pajakan Mukim

Tempoh Pajakan : 99 tahun

Premium : a) RM 200.00 seekar bagi kawasan yang ditanam dengan getah, kelapa sawit atau kelapa.

b) RM 10.00 seekar bagi kawasan yang ditanam dengan tanaman padi.

c) RM 70.00 seekar bagi kawasan yang ditanam dengan tanaman dusun.

d) Rancangan Tanah Revolusi Hijau yang termasuk di dalam Kawasan Simpanan Melayu, kadar bayaran premium adalah separuh dari kadar yang ditetapkan di (a), (b) dan (c) di atas.

- Cukai Tahunan : a) RM1.50 seekar bagi 6 tahun yang pertama dan selepas itu RM7.00 seekar setahun bagi kawasan yang ditanam dengan tanaman getah, kelapa sawit atau kelapa.
- b) RM2.50 seekar setahun bagi kawasan tanaman-tanaman padi.
- c) RM3.50 seekar setahun bagi kawasan yang ditanam dengan tanaman dusun.

Upah sukat dan lain-lain bayaran : Kadar kadar yang ditetapkan

Jenis Kegunaan Tanah : Pertanian

Syarat Nyata :

Kawasan Getah : Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata untuk tanaman getah.

Kawasan Kelapa Sawit : Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata untuk tanaman kelapa sawit.

Kawasan Kelapa : Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata untuk tanaman kelapa.

Kawasan Padi : Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata untuk tanaman padi.

Kawasan dusun : Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan semata-mata untuk tanaman pokok buah-buahan.

Sekatan Hak :

- a) Tanah yang diberimilik ini termasuk di dalam Skim Rancangan Tanah Revolusi Hijau, Selangor.
- b) Tanah yang diberimilik ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak, dicagar atau digadai dengan apa cara sekali pun melainkan mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri.
- c) Tanah Simpanan Melayu (Jika kawasan tersebut termasuk di dalam Tanah Simpanan Melayu).
  - ii) Peserta-peserta rancangan yang telah menguasai tanah dengan jayanya dan mendapat perakuan dari Pemungut-Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengemukakan permohonan secara resmi mengikut kaedah Tanah Negeri 1966 kepada Pemungut-Pemungut Hasil Tanah supaya Surat Hakmilik dapat dikeluarkan.

3. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah diminta unruk mematuhi perkara ini.

T.T  
**(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR

PTG.SEL. 32 PT. 2(48)

SHAH ALAM  
15HB OKTOBER 1981